

Jumaat, 15 September 2017



BERNAMA.com

English | Malay | Mandarin | العربية | Español

Suncon Dapat Kontrak Bernilai RM581.66 Juta Daripada PPA1M

Tarikh kemaskini: 14/09/2017

KUALA LUMPUR, 14 Sept (Bernama) -- Anak syarikat Sunway Construction Group Bhd (Suncon), Sunway Construction Sdn Bhd (SCSB), menandatangani kontrak pembinaan bernilai RM581.66 juta dengan Liziz Standaco Sdn Bhd bagi cadangan Projek Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M).

Dalam kenyataan kepada Bursa Malaysia hari ini, Suncon berkata projek tersebut melibatkan pembinaan dan penyiapan enam blok pangsapuri PPA1M 29 tingkat di Mukim Kg Sireh, Kota Bharu, Kelantan.

Menurut syarikat itu, projek tersebut bagi tempoh kira-kira 30 bulan daripada tarikh pengumuman dan dijangka siap pada suku pertama 2020.

Ia dijangka menyumbang secara positif kepada pendapatan SunCon Group bermula tahun kewangan berakhir 31 Dis, 2018.

Apabila memperoleh projek tersebut, SunCon berkata kontrak dalam tangan berjumlah RM4.7 bilion.

-- BERNAMA